

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan pelaksanaan Dasar Rahmatan Lil Alamin sebagai dasar pentadbiran Islam baharu negara akan mampu meningkatkan martabat syariat Islam dan membela hak umat Islam.

**JAWAPAN: (YB PUAN HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Aspirasi Kerajaan untuk merealisasikan Dasar Rahmatan Lil Alamin sebagai dasar yang inklusif dalam pentadbiran Islam di Malaysia telah diperakui dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mac 2019. Keputusan MKI ini seterusnya telah diperkenankan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 pada 4 Julai 2019. Bagi memantapkan pelaksanaan dasar ini dari aspek pengurusan dan pentadbiran merentas pelbagai agensi di peringkat pusat dan negeri, pada 25 Oktober 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap pelaksanaan dasar pentadbiran melalui pendekatan Rahmatan Lil

## NO. SOALAN : 4

Alamin untuk dilaksanakan ke arah mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera dalam kalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa di negara ini.

2. Bagi merealisasikan matlamat dasar pentadbiran Rahmatan Lil Alamin ini, Kerajaan sedang merangka sebuah *Blue Print* Negara Rahmah yang menggariskan ciri-ciri sebuah masyarakat dan negara yang menjadi matlamat Rahmatan Lil Alamin, iaitu:

- a. Sebuah negara yang dinaungi dengan pentadbiran dan kepimpinan yang berintegriti, tadbir urus baik, memiliki masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang;
- b. Hubungan etnik dan penganut pelbagai agama yang harmoni, kedudukan ekonomi yang mampan, pembangunan dan alam sekitar yang lestari;
- c. Kebajikan dan keselamatan rakyat terpelihara serta bersifat menyantuni kemanusiaan, ihsan dan peradaban bermatlamatkan kesejahteraan sejagat.

Aspirasi yang terkandung dalam *Blue Print* Negara Rahmah ini juga adalah seiring dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan agenda antarabangsa 17 Matlamat *Sustainable Development Goals (SDGs)*. *Blue Print* ini telah meletakkan lima (5) prinsip Maqasid Syariah iaitu Menjaga Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta sebagai Prinsip Panduan bagi memastikan segala perancangan dan halatuju bergerak seiring dengan Syariat Islam.

Bagi sesi libat urus pula, sebanyak sembilan sesi libat urus telah diadakan bersama kementerian/ jabatan dan agensi iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Pertahanan, Taska berteraskan Maqasid Syariah, Aplikasi Maqasid dalam MS1900 bersama Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Luar Negara.

## NO. SOALAN : 4

3. Dasar Pentadbiran Islam melalui Pendekatan RAHMAH bukanlah bertujuan menghapuskan hak orang Islam atau melonggarkan mana-mana undang-undang yang menjamin kepentingan Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Malah dengan terlaksananya dasar ini ia dijangka akan berupaya mengangkat martabat Islam dan umatnya kerana nilai- nilai Rahmatan Lil Alamin sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan prinsip- prinsip maqasid syariah akan dijadikan asas dalam pembentukan dasar kerajaan sekali gus mampu memberi implikasi positif terhadap pentadbiran negara dalam memartabatkan syiar Islam dan membela hak umat Islam.

Sekian, terima kasih.